



BERITA

Nombor Kad Pengenalan Cukai: Bagaimanakah Pelaksanaannya?

Oleh **Ritah binti Yahaya**
1 Januari 2022, 23:23

A ⁺	A ⁻	A ⁰
----------------	----------------	----------------

Untuk mendapatkan maklumat terkini, ikuti kami melalui **Telegram**

Langgan Sekarang 

(HASiL) untuk mengenal pasti pembayar cukai. Setiap TIN adalah unik dan setiap pembayar cukai akan mempunyai TIN yang berbeza.

Menurut kenyataan media yang dikeluarkan oleh HASiL pada hari ini, cadangan melaksanakan TIN ini bukanlah baharu, sebaliknya dibentangkan dalam Belanjawan 2020, dan sepatutnya mula dilaksanakan pada bulan Januari 2021. Namun demikian, atas sebab-sebab tertentu seperti persediaan sistem dan prosedur berkaitan, maka pelaksanaannya ditangguhkan dan hanya akan mula dilaksanakan pada 1 Januari 2022 seperti yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2022.

IKLAN

Kepada siapakah TIN ini akan diberi? Berdasarkan penjelasan oleh HASiL dalam beberapa siri seminar percukaian pada bulan November 2021 yang lalu, TIN akan diberi kepada:

Setiap orang yang mempunyai pendapatan kena cukai.

Setiap orang yang wajib mengemukakan Borang Nyata Cukai menurut Akta Cukai Pendapatan 1967.

Setiap warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas.

Bagaimanakah pula TIN ini akan diproses dan diberi kepada pihak atau individu berkenaan? Yang berikut merupakan kaedah pemprosesan TIN:

HASiL;

Pendaftaran secara automatik bagi pembayar cukai syarikat yang baharu diperbadankan yang mendaftar secara dalam talian dengan Suruhanjaya Syarikat

Malaysia (SSM) melalui Portal MyCoID;

Permohonan pendaftaran secara dalam talian melalui e-Daftar di <https://edaftar.hasil.gov.my>, dan

Permohonan secara manual di Kaunter Perkhidmatan Percukaian dan pejabat cawangan HASiL.

Bagi memudahkan orang ramai mengetahui dan merekodkan nombor TIN mereka, HASiL menyediakan lima kaedah penyemakan seperti yang berikut:

Secara dalam talian melalui MyTax di pautan <https://mytax.hasil.gov.my>;

Borang Maklum Balas Pelanggan di portal rasmi HASiL www.hasil.gov.my;

HASiL Live Chat;

Hasil Care Line di talian 03-8911 1000/603-8911 1100 (Luar Negara), dan

Kaunter Perkhidmatan Percukaian dan pejabat cawangan HASiL.

Secara asasnya, mulai 1 Januari 2022 penggunaan TIN akan diwajibkan kepada pembayar cukai untuk urusan seperti yang berikut:

IKLAN

pemerolehan harta tanah atau syer syarikat harta tanah perlu mempunyai nombor TIN dalam borang nyata dan dokumen seperti yang berikut:

Borang CKHT 1A / CKHT 1B/ CKHT 2A/ CKHT 3;

Bayaran di bawah Seksyen 21B ACKHT 1976 melalui Borang CKHT 502 oleh pemeroleh, dan

Surat-menyurat dan rayuan berkaitan dengan transaksi di bawah ACKHT 1976.

Urusan penyeteman dokumen dan surat cara di bawah Akta Setem 1949 selaras dengan peruntukan seksyen 77C Akta Setem 1949 yang baharu diperkenalkan. Bagi pembayar duti yang masih belum mempunyai nombor TIN, mereka tidak perlu bimbang kerana urusan penyeteman masih boleh diteruskan. Dalam hal ini, sistem STAMPS akan membuat pendaftaran secara automatik nombor TIN mereka berdasarkan maklumat yang diisikan dalam sistem tersebut. Manakala, bagi pembayar duti yang telah mempunyai nombor TIN, tetapi tidak mengingati nombor berkenaan pula, sistem STAMPS akan memaparkan nombor TIN berkenaan selepas mereka mengisi nombor kad pengenalan atau nombor pendaftaran syarikat.

Buletin JendelaDBP

Inginkan berita dan artikel utama setiap hari terus ke e-mel anda?

E-mel

Langgan

Yang Berkaitan

BERITA

BERITA

Kongsi

